

Newspaper	BERITA HARIAN
Date	11 JULY 2017

MAB dijangka untung tahun depan

BH - 11/7/2017 pg. 2

➔ Pelan penyusunan, pemulihan syarikat mampu bersaing di peringkat dunia

Oleh Irwan Shafrizan Ismail
irwansha@bh.com.my

► Sepang

Malaysia Airlines Bhd (MAB) dijangka mula mengutip keuntungan tahun depan, sekali gus mampu kembali bersaing menjadi syarikat penerbangan terkemuka di dunia, kata Datuk Seri Najib Razak.

Perdana Menteri berkata, keyakinan itu bersandarkan pelan penyusunan dan pemulihan syarikat berkenaan yang kini berjalan lancar mengikut jadual, malah fasa pertama pelan, iaitu menstabilkan kewangan MAB juga sudah dicapai.

“Saya dapat mengesahkannya ketika bersembang dengan Bellew (Ketua Pegawai Eksekutif MAB, Peter Bellew) dan beliau menjangkakan MAB kembali mencatat untung tahun depan.

“Alhamdulillah, pelan (pemulihan semula MAB) juga sudah membuahkan hasil di mana pe-

ringkat pertama kita tumpu kepada (usaha) menstabilkan kewangan Malaysia Airlines dan itu sudah dicapai,” katanya berucap pada majlis Sambutan Hari Raya Malaysia Aviation Group (MAG) di sini semalam.

Yang turut hadir ialah Menteri Pengangkutan, Datuk Seri Liow Tiong Lai dan timbalannya, Datuk Abdul Aziz Kaprawi.

Penstrukturan MAB

Najib yang juga Menteri Kewangan berkata, tumpuan kini diberikan kepada fasa kedua penstrukturan MAB yang membabitkan pertambahan laluan baharu, termasuk sebanyak 11 laluan dari China.

“Selain itu kita akan turut melihat kepada perbezaan produk seperti hidangan dan hiburan dalam penerbangan, serta kualiti pesawat. Menerusi langkah ini diharap Malaysia Airlines mampu memperoleh semula penarafan lima bintang Skytrax menjelang tahun depan,” katanya.

Perdana Menteri berkata, apabila Khazanah Nasional Bhd membuat keputusan untuk menyusun semula Malaysia Airlines dengan mengurangkan seramai 6,000 kakitangan, beliau mengeluarkan arahan supaya ia dilakukan dengan penuh perikemanusiaan.

“Kini saya diberitahu seramai 78 peratus daripada jumlah itu sudah mendaftar untuk mendapatkan peluang pekerjaan dan daripada jumlah itu juga, sebanyak 98 peratus berjaya mendapatkan pekerjaan. Ini menunjukkan bahawa apa yang kita hasratkan sudahpun tercapai,” katanya.

Terdahulu, Najib melancarkan logo dan penyiaran lagu *Negaraku* pada pesawat Malaysia Airlines B737-800 yang juga sebahagian daripada inisiatif *Negaraku* yang diumumkan Mei lalu bertujuan memupuk semangat patriotik dalam kalangan rakyat di seluruh negara.

Sementara itu, Bellew berkata, MAB dijangka mula mengutip ke-

untungan konsisten pada separuh kedua kewangan tahun depan.

Sasaran berdasarkan strategi
Beliau berkata, sasaran itu dibuat berdasarkan strategi jualan syarikat itu melalui pembukaan laluan baharu yang membabitkan China dan India.

Selain itu, katanya, ia turut mengambil kira kejayaan yang dicapai oleh syarikat menerusi pelan penstrukturan semula untuk tempoh lima tahun yang dibuat oleh kerajaan bersama Khazanah.

“Sebenarnya kami boleh mengatakan hanya tinggal beberapa peratus lagi untuk mencapai keuntungan yang sebenar dan yang tinggal itu membabitkan pendapatan dan kawalan kos.

“Sehubungan itu, sekarang fokus syarikat adalah pada 11 laluan baharu dari China, selain meningkatkan jualan dan pemasaran serta menangani faktor beban. Paling penting kita harus meningkatkan hasil,” katanya.